

Tabaqat Fuhul al-Shu'ara' sebagai Sumber Terawal Kritikan Terhadap Kesusasteraan Arab

MAT NOR ABDULLAH

ABSTRAK

Ibn Sallam al-Jumahi adalah seorang sarjana terkemuka di Basrah. Beliau dilahirkan di Basrah pada 139 Hijrah dan meninggal dunia di Baghdad pada (231H/232H). Ahli sejarah telah memetik beliau sebagai seorang perawi kesusasteraan ulung, yang sangat terkenal dalam bidang puisi dan sejarah. Beliau juga adalah seorang pakar bahasa Arab dan tersenarai di tempat kelima di kalangan ulama' Basrah. Selain itu, Ibn Sallam adalah penulis buku Tabaqat Fuhul al-Shu'ara', satu-satunya penulisan terawal mengenai kritikan terhadap kesusasteraan klasik Arab. Di dalam buku tersebut, beliau telah mendedahkan isu dan kritikan tentang kesusasteraan klasik dan semasa. Isu mengenai kategori sasterawan dan plagiarisme telah menjadi suatu perdebatan hangat di kalangan sarjana pada masa lalu dan hari ini. Karya Ibn Sallam sentiasa menjadi suatu sumber rujukan kepada pelajar kesusasteraan pada setiap masa.

ABSTRACT

Ibn Sallam al-Jumahi was a prominent scholar in Basrah. He was born in Basrah (139H), then passed away in Baghdad (231H/232H). Historians cited him as a famous literary narrator, well known in poems and history. He was also an Arabic language expert and listed in ranking number five among the Basrah's 'ulama'. On top of that Ibn Sallam is the writer of Tabaqat Fuhul al-Shu'ara', the one and only book of the earliest writing on criticism towards classical Arabic literature. In this book, he disclosed the issues and critics on classical and current literature. The issue of literary category and plagiarisme become a major debate among the scholars in the past and present time. Ibn Sallam's writings have always been a reference source to the students of literature at all time.

PENGENALAN

Abad ketiga Hijrah merupakan zaman pengumpulan, penulisan dan pembukuan segala bentuk ilmu. Zaman sebelumnya terkenal sebagai zaman pengumpulan yang serius. Penyusunan dan pembukuan ilmu pengetahuan bukan sahaja tertumpu kepada ilmu Arab malah merangkumi ilmu asing yang diterjemahkan

ke dalam bahasa Arab dari Hindi, Farsi, Yunani dan lain-lain (Shauqi Dayf 1966: 147). Gerakan pengumpulan dan pembukuan secara besar-besaran ini mendapat kerjasama daripada segenap lapisan masyarakat.

Sastera dan kritikan sastera berkembang luas pada abad ketiga Hijrah dan disusuli dengan pengukuhan dan penyempurnaannya pada abad-abad seterusnya. Asas dan kaedah dalam kajian kritikan sastera juga lebih tersusun dan bersistematik dengan adanya institusi seperti aliran Basrah dan aliran Kufah. Dasar dan prinsip kritikan sastera ciptaan tokoh silam telah menjadi panduan dan ikutan kepada pengkaji sastera di seluruh dunia pada hari ini. Menyedari peri pentingnya peranan dan karya tokoh-tokoh silam khususnya dalam bidang kesusasteraan, kajian ini akan membicarakan salah seorang tokoh pelopor kesusasteraan Arab klasik – Ibn Sallam al-Jumahi dan karangan beliau *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*

SUMBER UTAMA KESUSASTERAAN KLASIK ARAB

Sejarawan telah mengkategorikan buku klasik Arab kepada tiga kategori utama, iaitu (Judah Mustafa 1985: 10):

1. Sumber dalam bidang puisi (*مصادر الشعر*) seperti buku *al-Mufaddhaliyyat* karangan al-Mufaddhal al-Dhabbi yang memuatkan lebih seratus dua puluh antologi puisi penyair Islam dan pra Islam, *Sharah al-Qasa'id al-Sab'i al-Tawal al-Jahiliyyat* karangan Ibn al-Anbari, *Sharah al-Mu'allaqat al-Sab'i* oleh Zauzani, *al-Asma'iyyat* karangan al-Asma'i, dan *Jamharah Ash'ar al-'Arab* karangan Abu Zayd al-Qurashi di awal abad keempat Hijrah (Judah Mustafa 1985: 10).

2. Sumber dalam bidang prosa (*مصادر النثر*), antaranya buku *Majma' al-Amthal* oleh Maydani, *al-Bayan wa al-Tabayn* karangan al-Jahiz dan *al-'Iqd al-Farid* karangan Ibn 'Abd Rabbih. Walaupun dikategorikan sebagai sumber prosa, buku-buku ini juga memuatkan banyak puisi dengan pelbagai tema (Judah Mustafa 1985: 11).

3. Sumber universal dan merangkumi (*المصادر الجامعة*) buku seperti *al-Bayan wa al-Tabayn* karangan al-Jahiz, *al-Kamil fi al-Lughah wa al-Adab* oleh al-Mubarrid, *al-Amali* karangan Abu 'Ali al-Qali dan *al-'Iqd al-Farid* karangan Ibn Abd Rabbih, *al-Muwazanah* oleh al-Amidi, *al-Wisatah* oleh al-Qadi al-Jurjani, dan *Dala'il al-I'jaz* karangan Imam 'Abd al-Qahir al-Jurjani. Kategori ini dinamakan sumber umum kerana kandungannya mencakupi puisi pelbagai tema, prosa berbentuk wasiat, khutbah, kata-kata hikmat, fiksyen, dan peribahasa disertai pandangan, penjelasan, komen dan ulasan mengenai pengetahuan, aliran dan metode kajian penulisnya seperti pendapat dalam aspek bentuk, idea dan kritikan secara umum (Judah Mustafa 1985: 11).

4. Sumber riwayat hidup tokoh-tokoh sastrera (مصادر التراجم الأدبية). Antaranya, dua buah buku yang judulnya menggunakan perkataan *Tabaqat* yang bermaksud kategori atau tingkatan seperti buku *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'* oleh Ibn Salam dan *Tabaqat al-Shu'ara'* karangan Ibn al-Mu'taz. Buku-buku lain seperti *Mu'jam al-Udaba'* oleh Yaqut al-Hamawi, *Mu'jam al-Shu'ara'* oleh Abu 'Abdullah al-Marzubani, *al-Shi'r wa al-Shu'ara'* karangan Ibn Qutaybah. Perlu dijelaskan bahawa buku-buku ini bukan hanya mencakupi riwayat hidup, cerita dan karya tokoh sastrera silam, malah mengandungi teks sastrera, pandangan dan ulasan yang berupa kritikan. Judul-judul tersebut diberi hanya berdasarkan urutan perbincangan di dalamnya yang lebih merupakan tafsiran riwayat hidup sasterawan klasik.

Berhubung analisis karangan pengkaji silam, sejarawan hari ini telah memperkatakan metode kajian mereka seperti metode tumpuan pentafsiran yang memberi tumpuan utama kepada analisis, pandangan dan ulasan, perbandingan dengan karya sastrera lain tanpa memberi penekanan dalam membuat keputusan ke atas sesuatu karya sastrera (Badawi Tabanah 1975: 293). Metode kajian ini telah diikuti oleh al-Jahiz dalam bukunya *al-Bayan wa al-Tabyin* dan *al-Kamil* oleh al-Mubarrid. Antaranya adalah metode sejarawan yang dapat dilihat dalam buku *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'* oleh Ibn Sallam yang mengkategorikan penyair menurut urutan zaman – Jahiliyyah, Islam dan Umayyiah. Metode psikologi (المنهج النفسى) iaitu aplikasi pendekatan psikologi dalam menganalisis dan menilai serta mengesan perasaan dalaman dan kesannya ke atas karya sastrera dan sasterawan (Kamal Nash'at 1970: 29). Walau bagaimanapun, pengkritik sastrera perlu berhati-hati supaya tidak menyimpang daripada tujuan utama mereka, yakni mengkaji sastrera dan bukannya menganalisis unsur dalaman seseorang sasterawan. Terdapat juga metode seperti metode kreatif (المنهج الفنى), dan metode universal (المنهج المتكامل) (Shauqi Dayf 1962: 184). Istilah sebegini tidak terdapat dalam kesusasteraan Arab klasik. Ia hanya dikenali oleh sarjana sastrera moden setelah adanya penemuan ilmu dan kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Suatu ciri baru dapat dilihat dalam kritikan sastrera abad ketiga Hijrah yang tidak berlaku sebelumnya, ialah tulisan yang secara keseluruhannya adalah kritikan sastrera objektif. Pandangan, ulasan dan keputusan yang dibuat tentang karya sastrera adalah berdasarkan ilmu, prinsip, kaedah, panduan serta asas-asas yang kukuh dan termaktub hasil penciptaan, penemuan dan pembukuan ilmu pengetahuan (Taha Ahmad Ibrahim t.th: 126). Ini berbeza sekali dengan apa yang berlaku sebelumnya – hanya ungkapan ringkas dan pandangan peribadi secara spontan (Ihsan Abbas 1981: 45). Kajian ini akan melihat dengan lebih terperinci karangan tokoh klasik Ibn Sallam al-Jumahi, iaitu *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*

TABAQAT FUHUL AL-SHU^cARA'

Tabaqat Fuhul al-Shu^cara' merupakan karangan terawal mengenai kritikan sastera. Pengarangnya ialah Abu 'Abdullah Muhammad ibn Sallam ibn 'Abdullah ibn Salim al-Jumahi. Beliau merupakan seorang 'ulama' terkemuka dari kota Basrah. Beliau dilahirkan pada tahun 139 H di Basrah dan meninggal dunia pada tahun 231 H atau 232 H di Baghdad. Menurut sejarawan, beliau ialah seorang perawi, sasterawan ulung, mempunyai maklumat yang luas tentang puisi dan sejarah. Beliau juga merupakan seorang pakar bahasa Arab dan tersenarai di tempat kelima di kalangan 'ulama' Basrah (Badawi Tabanah 1975: 157-58). Basrah terkenal sebagai pusat perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan dan aliran madrasahinya pula terkenal dengan sikap cermat dan teliti dalam pengambilan dan penerimaan sesuatu riwayat. Aliran madrasah Basrah berbeza daripada aliran madrasah Kufah yang agak longgar dalam persoalan tersebut. Hal ini dapat dilihat apabila Ibn Sallam tetap menyangkal riwayat Khalaf al-Ahmar dan Yunus ibn Habib kerana diragui kebenarannya walaupun kedua-dua mereka adalah antara guru dan perawi yang paling dikagumi, diyakini dan dipercayainya (Judah Mustafa 1985: 42). Selain itu, hampir kesemua gurunya adalah daripada aliran Basrah kecuali al-Mufaddhal al-Dhabbi (Ibn Sallam 1974: 23). Dalam buku *Tabaqat* sahaja, Profesor Mahmud Muhammad Syakir (1974: 34-37) telah dapat menyenaraikan 79 orang guru Ibn Sallam.

METODE KAJIAN IBN SALLAM DALAM TABAQAT

Metode kajian Ibn Sallam dalam *Tabaqat* adalah metode sejarawan. Ini amat sesuai dalam penyelidikan sastera dan kritiknya kerana sastera dan sejarah adalah dua unsur yang saling berkaitan. Sastera merupakan cermin masyarakat sama ada dalam aspek budaya, politik mahupun sosioekonomi. Sastera menterjemahkan suasana kehidupan, pemikiran dan pandangan sesebuah masyarakat berasaskan tuntutan suasana dan masa selain menjadi refleksi kepada persoalan harian mereka. Ini terbukti apabila pengarang mengkategorikan para sasterawan mengikut urutan zaman bermula dengan sasterawan zaman Jahiliyyah, diikuti dengan sasterawan al-Mukhadram¹ dan sasterawan Islam. Karyawan Mukhadram tidak ditinggalkan malah diletakkan sama ada di bawah kategori penyair Jahiliyyah atau Islam. Beliau juga mengkategorikan penyair mengikut kawasan di negeri Arab, yang kesemuanya terdiri daripada lima kawasan, iaitu Makkah, Madinah, Taif, Yamamah dan al-Bahrain. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyenaraikan penyair-penyair Yamamah kerana katanya, "Aku tidak mengenali seorang pun penyair dari Yamamah." (Ibn Sallam 1974: 227).

ISU KRITIKAN SASTERA DALAM *TABAQAT*

ISU KATEGORI SASTERAWAN

Kajian ini akan melihat dengan lebih terperinci tentang persoalan kritikan sastera dalam buku tersebut, khususnya dua isu utama iaitu pengkategorian sasterawan dan penambahan dalam teks puisi Arab klasik. Perbincangan mengenai kedudukan atau penyenaian sasterawan mulai kedengaran pada abad kedua Hijrah, iaitu sebelum bermula peringkat penulisan dan pembukuan ilmu pengetahuan. Pada peringkat itu pengkritik menilai kedudukan para penyair secara sepintas lalu. Diceritakan bahawa penyair Labid ibn Rabi'ah al-'Amiri ketika ditanya siapakah sasterawan terunggul berkata, "Putra yang sesat", (maksudnya Imru'u al-Qays), kemudian beliau ditanya siapakah selepasnya, "Pemuda yang terbunuh" (maksudnya Tarafah ibn Abd), seterusnya siapa katanya, "Shaykh Abu Uqayl" (dirinya sendiri) (Ibn Qutaybah 1904: 91-92).

Sementara itu diceritakan bahawa al-Asma'i memetik daripada Ibn Abi Tarafah sebagai berkata, "Cukuplah kamu dengan empat orang penyair terulung; Zuhayr apabila memuji, al-Nabighah apabila ketakutan, al-A'sha apabila gembira dan Antarah apabila berburu" (Ibn Rashid 1972: 95).

Peralihan zaman merubah arus dan daya pemikiran intelektual yang menyaksikan pengkaji menyenarai sasterawan melalui kaedah baru yang lebih kemas dan sistematik. Inilah yang dapat dilihat di dalam buku *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'* karangan Ibn Sallam. Persoalan utama yang disentuh secara meluas oleh pengarang ialah tentang kedudukan atau kategori sasterawan. Pengarang menghimpun seramai 114 orang sasterawan berserta biodata, cerita dan karya sastera mereka. Beliau telah mengkaji penyair Jahiliyah dan penyair zaman permulaan Islam, iaitu meliputi zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat dan zaman Umayyiah dan membuat penilaian tentang senarai kedudukan mereka dalam menerajui bidang puisi (Taha Abu Karishah 1990: 54). Beliau telah memilih 40 orang penyair zaman Jahiliyah yang disusun mengikut kekuatan puisi dan ketokohan mereka kepada sepuluh senarai kedudukan atau kategori. Setiap senarai mempunyai empat orang penyair. Senarai pertama diwakili oleh penyair Imru'u al-Qays, al-Nabighah al-Zubayri, Zuhayr ibn Abi Sulma dan al-A'sha Maymun ibn Qays, manakala senarai kesepuluh atau terakhir terdiri daripada Umayyiah ibn Harthan, Harith ibn Muhafad, al-Kumayt ibn Ma'ruf dan 'Amr ibn Shas. Ini diikuti dengan penyenaian penyair kawasan di negeri Arab yang dimulakan dengan penyair Kota Madinah seramai lima orang, iaitu Hassan ibn Thabit, Ka'ab ibn Malik, 'Abdullah ibn Rawahah, Qays ibn al-Hutaym dan Abu Qays ibn al-Asl. Ia diakhiri dengan penyair al-Bahrain seramai tiga orang. Beliau juga menyenaraikan penyair Yahudi yang berjumlah lapan orang.

Kaedah yang sama juga dapat dilihat dalam penyusunan sasterawan Islam (zaman Umayyah). Beliau telah memilih 40 orang penyair dan menempatkannya dalam sepuluh senarai. Senarai pertama diwakili oleh Jarir, al-Farazdaq, al-Akhtal dan al-Ra'ie dan senarai terakhir juga seramai empat orang. Walau bagaimanapun, Ibn Sallam membataskan penilaiannya kepada penyair Jahiliyah dan permulaan Islam. Beliau tidak menyentuh sasterawan sezaman dengan beliau, iaitu penyair 'Abbasiyah. Hal ini mungkin disebabkan beliau tidak mahu menyentuh perasaan penyair tersebut yang masih hidup dan menghasilkan puisi mereka, sedangkan penyair Jahiliyyah dan permulaan Islam sudah meninggal dunia. Justeru, tidak sukar baginya untuk membuat penilaian dan kajian ke atas mereka. Mungkin juga Ibn Sallam menganggap puisi Jahiliyyah dan permulaan Islam bermutu dan unggul, manakala puisi zaman kemudiannya tidak. Persoalan ini menjadi intipati buku *Tabaqat*.

ISU PENAMBAHAN DALAM TEKS SASTERA PRA-ISLAM

Isu lain yang diketengahkan oleh beliau ialah tokoh tambah dalam teks puisi atau lebih dikenali dalam istilah sastera Arab sebagai *Intihal*. Beliau menyentuh faktor yang mendorong berlakunya perkara tersebut, cara mengatasi dan mengenalinya (Taha Abu Karishah 1990: 56). Sebenarnya isu ini diberi perhatian yang paling besar oleh tokoh pengkaji silam dan hari ini. Perbincangan tentang wujudnya penambahan dalam teks puisi ditumpukan terutamanya pada zaman pra-Islam. Ada di antara puisi zaman pra-Islam sebenarnya bukan ciptaan para karyawan pra-Islam tetapi dihasilkan oleh pujangga yang terkemudian daripada mereka dan dikaitkan dengan mereka, khususnya penyair ulung bertujuan untuk mempopularkannya. Tokok tambah dan penyandingan puisi kepada penyair lain berlaku dalam kesusasteraan Arab klasik kerana pada peringkat puisi yang dihasilkan tidak ditulis dan dibukukan. Ia hanya dihafal dan dipindahkan dari seorang perawi kepada perawi yang lain secara lisan. Pengumpulan dan pembukuan puisi dilaksanakan hanya pada zaman kerajaan Umayyah. Justeru, sedikit sebanyak berlaku penambahan dan tokok tambah di dalam teks puisi (Mustafa Sadiq al-Rafi'i 1974: 366).

Ibn Sallam merupakan tokoh sastera klasik pertama yang mengenengahkan isu ini di dalam bukunya. Beliau telah mengutarakan dua faktor pendorong wujudnya *al-intihal* dalam teks puisi Arab klasik (Ihsan 'Abbas 1981: 79). Pertama, faktor Qabilah yang sengaja melakukan kegiatan ini untuk memamerkan keunggulan dan bermotifkan kebanggaan. Faktor kedua ialah perawi yang memindahkan puisi. Menurutnya, "Apabila orang Arab meneliti riwayat puisi dan cerita tentang peperangan dan kepahlawanan mereka, ada sesetengah suku kaum merasakan puisi yang dilahirkan oleh pujangga mereka amat sedikit sekali. Apatah lagi puisi yang mengabadikan peristiwa kebanggaan mereka. Justeru, mereka ingin memperbanyakkan puisi dan memperkaya sebutan

peristiwa kebanggaan mereka dengan mencipta puisi atas nama penyair mereka. Dengan munculnya perawi, maka puisi yang sedia ada akan ditokok tambah” (Ibn Sallam, 1974: 46). Beliau beberapa kali menyebut bahawa suku Quraisy telah melakukan kegiatan penambahan dan tokok tambah dalam puisi penyair mereka terutama puisi penyair terkenal seperti Hassan ibn Thabit.

Selain itu, anak-cucu penyair juga menjadi pendorong ke arah wujudnya *al-Intihal*. Umpamanya, diriwayatkan daripada Abu Ubaidah yang menyebut bahawa anak-cucu penyair Dawud ibn Mutammimun ibn Nuwayrah telah mendeklamasikan puisi beliau. Namun Abu Ubaidah dan pujangga lain ketika itu dapat mengesan penambahan dan tokok tambah di dalam puisi ayah mereka, Mutammimun (Ibn Sallam 1974: 47).

Beliau juga mengetengahkan nama-nama perawi yang sering melakukan kegiatan ini dalam teks sastera Arab pra-Islam seperti Hammad al-Rawiyah, Khalf al-Ahmar, dan Ibn Ishaq. Penambahan dan *Intihal* yang dilakukan oleh Khalf al-Ahmar di dalam teks puisi penyair ulung amat ketara dan jelas sekali. Al-Asma'i menceritakan bahawa Khalf pernah berkata kepadanya, “Aku telah menambah rangkap ini di dalam puisi al-Nabighah”

خيل صيام وخيل غير صائمة X تحت العجاج وأخرى تملك اللجما

Kesimpulannya, menurut beliau mana-mana puisi yang diragu kesahihan riwayatnya hendaklah ditolak dan hanya menerima pakai puisi yang telah disepakati pengkaji tentang kesahihan riwayatnya atau diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* (diyakini) seperti al-Mufaddal al-Dabbī, al-Asma'i, Abu al-ʿAmr al-ʿAla' dan lain-lain (Muhammad Hilmi 'Ilwah t.th: 101).

Sebenarnya, persoalan yang ditimbulkan oleh Ibn Sallam dan dibincangkan oleh pengkaji selepasnya merupakan suatu perkara pokok dalam kritikan sastera kerana kepastian tentang benarnya sesuatu karya sastera itu dihasilkan oleh seseorang adalah amat penting dalam mengkaji, menganalisa dan menilai karya. Sebab lain adalah kerana sesebuah karya sastera mencerminkan pemikiran, pengalaman dan perasaan pengarangnya. Masalah ini mungkin tidak begitu ketara pada zaman moden kerana semua karya sastera telah ditulis dan dibukukan tetapi sastera lama tidak demikian dan banyak bergantung pada hafalan dan disampaikan secara lisan. Mereka-reka puisi yang bukan dihasilkan oleh penyair yang disandarkan kepadanya memang boleh berlaku dan tidak dapat disangkal lagi.

Natijah daripada perbincangan tersebut, segolongan pengkaji Barat menolak secara total puisi zaman Jahiliyyah dan beranggapan semua puisi yang terkumpul adalah hasil tokok tambah dan dicipta oleh penyair generasi sebelumnya. Segolongan pengkaji lain pula mengambil sikap sederhana dengan mengiktiraf kewujudan puisi zaman Jahiliyyah dan yakin bahawa kegiatan *al-Intihal* di dalam teks puisi zaman Jahiliyyah oleh generasi selepas mereka juga telah berlaku dan tidak dapat dinafikan. Polemik antara kedua-dua

kumpulan ini terus berlaku dan banyak wacana, diskusi, forum, seminar dan perdebatan telah diadakan khususnya di Mesir untuk mencari kebenaran. Hasilnya pelbagai terbitan ilmiah telah dibukukan khusus membicarakan isu tersebut. Namun, sehingga hari ini tidak ada suatu kata sepakat dalam penerimaan puisi Arab pra-Islam di kalangan pengkaji sastera Barat dan Timur (Muhammad al-Tawanji 1980: 155).

Akhirnya ternyata bahawa *intihal* puisi memang berlaku tetapi telah dikenal pasti dan disaring oleh tokoh sastera klasik. Saya berpendapat pengkaji moden tidak seharusnya bersikap keterlaluan dan emosi dengan meragui atau menolak secara total puisi Jahiliyah. Sebaik-baiknya mereka hendaklah mengambil sikap sederhana dengan menolak puisi yang telah disepakati kepalsuannya oleh pengkaji silam dan menerima apa yang telah disepakati ketulenan dan kesahihannya seperti sastera yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah*. Andainya masih terselit keraguan, kajian terperinci, analisis ilmiah dan bersistematik perlu dilakukan demi mencapai keputusan yang tepat dan saksama, bukan dengan membuat keputusan berdasarkan sikap prejudis, taqlid dan bersifat cacamerba. Saya akhiri perbincangan ini dengan memetik ungkapan Shauqi Dayf, “Sesungguhnya sastera Jahiliyah diakui adanya penambahan, namun kegiatan ini dikenal pasti oleh pengkaji dahulu. Mereka telah melakukan kritikan dan analisis yang serius mengenainya dalam aspek-aspek perawi, bahasa dan perkataan” (Shauqi Dayf 1960: 175).

Kesimpulannya, melalui bukunya, Ibn Sallam telah menyinari peradaban Arab khasnya dan dunia amnya. Ia menjadi penyuluh kepada karangan kritikan sastera selepasnya selain berperanan sebagai sumber terpenting kepada pengkaji sastera dan praktiknya sejak dahulu sehingga kini.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
 Badawi Tabanah. 1975. *Dirasat fi Naqd al-Adab al-Arabi min Jahiliyyat ila Nihayat al-Qarn al-Thalith*. Ed. 7. Misr: Maktabah al-Angelo.
 Ibn Qutaybah, Abu Muhammad 'Abdullah ibn Muslim. 1904. *al-Shi'r wa al-Shu'ara'*. Sunt. M.J. De Goeje. Leiden: E.J. Brill.
 Ibn Rashīq, Abu 'Ali al-Hasan ibn Rashīq al-Qayruwani al-Azdi. 1972. *Al-Umdah fi Mahasin al-Shi'r wa Adabih wa Naqdihi*. Ed. 4. Beirut: Dar al-Jayl.
 Ibn Sallam. 1974. Muhammad ibn Abdullah ibn Sallam al-Jumahi. *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*. Misr: Matba'ah al-Madani.
 Ihsan Abbas. 1981. *Tarikh al-Naqd al-Adabi und al-Arab*. Ed. 3. Beirut: Dar al-Thaqafah.
 Judah 'Abdullah Mustafa. 1985. *Min Masadir al-Adab wa al-Naqd*. Misr: Matba'ah Hasan.
 Kamal Nash'at. 1970. *Fi al-Naqd al-Adabi Dirasat wa Tatbiq*. Baghdad: Maktabah al-Andalus.
 Muhammad al-Tawanji. 1980. *Dirasat fi al-Adab al-Jahili*. Misr: Matba'ah al-Sharq.
 Muhammad Hilmi 'Ilwah. t.th. *Nazarat fi al-Adab al-Jahili*. Misr: Jami'at al-Azhar.

- Mustafa Sadiq al-Rafi'i. 1974. *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Ed. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Shauqi Dayf. 1960. *al-'Asr al-Jahili*. Ed. 4. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Shauqi Dayf. 1962. *Fi al-Naqd al-Adabi*. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Shauqi Dayf. 1966. *Al-'Asr al-'Abbasi al-Awwal*. Ed. 3. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Taha Abu Karishah. 1990. *Al-Naqd al-Adabi al-Qadim*. Misr: Jami'at al-Azhar.
- Taha Ahmad Ibrahim. t.th. *Tarikh al-Naqd al-Adabi und al-'Arab min al-'Asr al-Jahili ila Qarn al-Rabi' al-Hijri*. Dimashq: Dar al-Hikmah.

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

